


1. Jumlah Tenaga Elektrik (nett) yang dijana oleh SESB & IPP bagi Suku Tahun Ketiga (Q3) 2012

Loji Penjanaan	GWh
SESB	309.35
IPP	958.40


IPP menyumbang sebanyak 76% daripada jumlah tenaga elektrik bagi suku tahun Ketiga berbanding SESB yang hanya menjana sebanyak 24%. Secara keseluruhannya, penjanaan elektrik telah meningkat sebanyak 2.97% berbanding suku tahun kedua yang disebabkan oleh permintaan beban yang tinggi iaitu sebanyak 824MW.



2. Kecekapan Thermal bagi Loji-Loji Penjanaan SESB & IPP bagi Suku Tahun Ketiga (Q3) 2012

Loji Penjanaan	SESB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	27.60	40.48
Loji Penjanaan Enjin Diesel	27.53	38.56


Secara keseluruhannya, SESB dan IPP dapat mengekalkan prestasi loji-loji janakuasa masing-masing seperti kecekapan thermal yang dicapai untuk suku tahun pertama. Ini terutamanya bagi loji penjanaan enjin diesel IPP yang terdapat peningkatan sebanyak 0.66% Peningkatan kecil ini adalah secara tidak langsung dari peningkatan faktor kesediaan (AF) loji penjanaan enjin diesel.



3. Purata Faktor Kesediaan Setara Loji (AF) bagi Loji-Loji Penjanaan SESB & IPP bagi Suku Tahun Ketiga (Q3) 2012

Loji Penjanaan	SESB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	82.93	93.99
Loji Penjanaan Enjin Diesel	67.88	67.98
Loji Penjanaan Hidro - SESB sahaja	77.67	-
Purata AF	77.29	
Purata kumulatif AF (dari Januari - September)	74.79	


Bagi suku tahun Ketiga, purata faktor kesediaan loji mencatat sebanyak 77.29% berbanding dengan suku tahun kedua iaitu sebanyak 76.24%. Faktor kesediaan loji tersebut meningkat adalah berkaitan secara langsung dengan jadual penyenggaraan loji dan henti tugas loji yang tidak terancang.



4. Purata Faktor Henti Tugas Terancang (POF) bagi Loji-Loji Penjanaan SESB & IPP bagi Suku Tahun Ketiga (Q3) 2012

Loji Penjanaan	SESB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	11.04	8.38
Loji Penjanaan Enjin Diesel	6.60	1.57
Loji Penjanaan Hidro - SESB sahaja	3.74	-
Purata POF		5.86
Purata kumulatif POF (Januari - September)		7.46

Purata faktor Henti Tugas Terancang (POF) bagi loji-loji penjanaan SESB & IPP mencatat pengurangan sebanyak 2.73% berbanding suku tahun kedua. Pengurangan ini secara tidak langsung adalah disebabkan oleh kenaikan kecekapan loji-loji janakuasa.



5. Purata Faktor Henti Tugas Tidak Terancang (UOF) bagi Loji-Loji Penjanaan SESB & IPP bagi Suku Tahun Ketiga (Q3) 2012

Loji Penjanaan	SESB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	11.44	0.80
Loji Penjanaan Enjin Diesel	21.62	15.73
Loji Penjanaan Hidro - SESB sahaja	24.13	-
Purata UOF		13.64
Purata kumulatif UOF (Januari - September)		15.36

Bagi suku tahun ketiga, didapati faktor henti tugas tidak terancang (UOF) bagi loji janakuasa enjin diesel SESB dan loji janakuasa hidro SESB telah melepasi sasaran UOF. Loji enjin diesel mencatat 21.62% kerana menghadapi masalah berterusan dengan *bearing* utama, kebocoran paip diesel, dan kerosakan alat *excitation & heat exchanger*. Manakala loji hidro pula menghadapi masalah *generator flashover*, penyejuk turbin mengalami kebocoran, dan paip air penyejuk telah pecah.

